

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1997/98

September 1997

YKA 101 - Pengantar Komunikasi Manusia

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan LIMA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Terangkan dengan contoh lima daripada konsep di bawah dalam konteks komunikasi *interpersonal*:
 - (a) Konsep kendiri
 - (b) Komunikasi ruang (*proxemics*) dan pergerakan tubuh (*kinesics*)
 - (c) Pencerapan aktif dan pencerapan pasif
 - (d) Semakan tanggapan
 - (e) Makna denotatif dan konotatif
 - (f) Kepimpinan *laissez-faire*, demokratik dan autoritarian.

(100 markah)

...2/-

2. Menurut De Vito (1996), prinsip-prinsip komunikasi manusia boleh digunakan untuk menghuraikan isu-isu praktikal seperti (a) mengapa perbalahan selalunya tertumpu kepada perkara remeh-temeh tetapi sukar untuk diselesaikan, (b) bagaimana komunikasi menggambarkan kuasa dalam perhubungan dan (c) bagaimana kedua-dua pihak dalam interaksi komunikasi lazimnya melihat isu dan hujah dengan cara yang berbeza.

Bincangkan setiap isu di atas dengan memberi contoh yang khusus.

(100 markah)

3. Bincangkan tahap-tahap dalam perhubungan *interpersonal*. Apakah faktor-faktor yang membawa kepada tarikan *interpersonal*? Dengan menggunakan teori-teori yang berkaitan, bincangkan mengapa sesetengah perhubungan berpanjangan dan yang lainnya berakhir dengan perpisahan.

(100 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan "makna wujud pada manusia" dan "konteks menentukan makna"? Berikan contoh.

(100 markah)

5. Bincangkan bagaimana *polarization*, *intensional orientation*, *static evaluation*, dan *indiscrimination* menghalang komunikasi yang berkesan dalam konteks komunikasi antarabudaya di Malaysia.

Huraikan strategi-strategi yang mungkin dapat mengurangkan atau mengatasi halangan-halangan di atas?

(100 markah)

-ooOoo-